SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ingin mempelawa calon di kalangan Warganegara Malaysia yang dinamik, inovatif dan bercita-cita tinggi untuk bersama-sama merealisasikan wawasan universiti sebagai UPSI No.1 Pendidikan di Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan di UPSI.

Senarai kekosongan jawatan adalah seperti berikut:-

| BIL | KUMPULAN PERKHIDMATAN | JAWATAN | GRED | TARAF |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pengurusan & Profesional | Skim Perkhidmatan Khas Universiti (Bidang Perakaunan dan Pemasaran) | 41 | Kontrak |
| 2. | Pelaksana | Skim Perkhidmatan Khas Universiti | 19 | Kontrak |
| 3. | | Skim Perkhidmatan Khas Universiti (Pengawal Keselamatan) | 11 | Kontrak |
| 4. | | Skim Perkhidmatan Khas Universiti (Pengasuh) | 11 | Kontrak |

**PANDUAN PERMOHONAN**

1. Pemohon perlu mendaftar dan mempunyai akaun dengan *Online Job Application UPSI (myjobs.upsi.edu.my).*

2. Untuk permohonan jawatan kali kedua dan seterusnya, pemohon tidak perlu mendaftar semula atau mewujudkan akaun baru, sebaliknya hanya perlu mengemaskini jawatan yang dipohon dalam akaun sedia ada.

3. Permohonan secara dalam talian perlu diisi dengan lengkap kerana permohonan akan diproses menggunakan permohonan dalam talian ini. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan tidak akan diproses.

4. Permohonan adalah terbatal sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar.

5. Setelah permohonan lengkap diisi,

   5.1 sila cetak dan pastikan gambar berjaya dimuat naik/dilekatkan;
   5.2 sila sertakan salinan dokumen / sijil yang telah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Gred 41 dan ke atas seperti berikut: -
   i) Kad Pengenalan;
   ii) Ijazah Sarjana Muda/Diploma (jika berkaitan);
   iii) Transkrip Akademik (jika berkaitan);
   iv) Sijil Matrikulasi KPM/STPM/STAM/SPM/SPVM/SPMV/SVM/SKM/PT3/PMR/SRP atau setaraf (jika berkaitan);
   v) Sijil Kokurikulum; dan
   vi) Lain-lain dokumen yang berkaitan.
   5.3 dihantarkan ke alamat yang tertulis di bawah dan bukan diemel;
   5.4 pemohon yang terdiri daripada warga UPSI (kakitangan bertaraf tetap/ kontrak/sementara/sambilan) perlu menghantar permohonan bersama surat iringan kepada Unit Perjawatan, Bahagian Sumber Manusia (BSM) melalui Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj).

6. Pemohon perlu menyemak dari semasa ke semasa pengumuman yang dibuat di bahagian Semak Permohonan di myjobs.upsi.edu.my untuk mengetahui status terkini permohonan. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pemohon mendakwa tidak mengetahui mengenai status permohonannya disebabkan pemohon tidak menyemak status permohonan secara dalam talian di ruangan tersebut.

7. Pemohon diminta mengisi maklumat alamat emel yang aktif. Permohonan secara dalam talian ini akan menggunakan emel sebagai salah satu medium komunikasi antara pihak UPSI dan pemohon. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pihak pemohon tidak menerima makluman yang dihantar secara emel kepada pemohon yang disebabkan oleh pemohon tidak mengakses emelnya.

8. **Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.**

9. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dari UPSI dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

10. Sila hantarkan permohonan ke:

    **Unit Perjawatan**
    **Bahagian Sumber Manusia**
    **Universiti Pendidikan Sultan Idris**
    **35900 Tanjung Malim, Perak**

11. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Perjawatan, BSM

    05-450 6328 / 6338 / 6399 / 6339 / 6340

    bsm.perjawatan@upsi.edu.my

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan jawatan yang diiklankan adalah pada **05 Januari 2023**

# 1. Skim Perkhidmatan Khas Universiti Gred 41 (Bidang Perakaunan dan Pemasaran)

1. (a) Jawatan : **Skim Perkhidmatan Khas Universiti Gred 41 (Bidang Perakaunan dan Pemasaran)**

   (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional

   (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan

2. Emolumen / Gaji :

| Gred | Honorarium |
|---|---|
| 41 | RM2,500.00 |

3. Had Umur : Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan maksimum berumur 54 tahun.

4. Syarat Lantikan / Bidang / Kelayakan Khusus :
   - Warganegara Malaysia.
   - Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
   - Ijazah sarjana muda dengan kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
   - Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ; atau
   - Lulus pemeriksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan ; atau
   - Lulus Pemeriksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA).

5. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan dengan kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

6. Taraf Jawatan : Kontrak

7. Tempoh Lantikan : Satu (1) tahun.

8. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

# 2. Skim Perkhidmatan Khas Universiti Gred 19

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | (a) Jawatan | : | **Skim Perkhidmatan Khas Universiti Gred 19** |
| | (b) Kumpulan Perkhidmatan | : | Kumpulan Pelaksana |
| | (c) Klasifikasi Perkhidmatan | : | Pentadbiran dan Sokongan |
| 2. | Emolumen / Gaji | : | Gred: 19; Honorarium: RM1,550.00 |
| 3. | Had Umur | : | Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan maksimum berumur 54 tahun. |
| 4. | Syarat Lantikan | : | • Warganegara Malaysia.<br>• Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| 5. | Syarat Kelayakan Bahasa Melayu | : | Calon bagi lantikan dengan kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| 6. | Taraf Jawatan | : | Kontrak |
| 7. | Tempoh Lantikan | : | Tempoh pelantikan hendaklah sekurang-kurangnya satu (1) bulan tetapi tidak melebihi 36 bulan (3 tahun). |
| 8. | Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |

Emolumen / Gaji:

| Gred | Honorarium |
|---|---|
| 19 | RM1,550.00 |

## 3. Skim Perkhidmatan Khas Universiti Gred 11 (Pengawal Keselamatan)

1. (a) Jawatan : **Skim Perkhidmatan Khas Universiti Gred 11 (Pengawal Keselamatan)**

   (b) Kumpulan Perkhidmatan : Kumpulan Pelaksana

   (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam

2. Emolumen / Gaji :

| Gred | Honorarium |
|---|---|
| 11 | RM1,100.00 |

3. Had Umur : Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan maksimum berumur 54 tahun.

4. Syarat Lantikan :
   - Warganegara Malaysia
   - Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
   - Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

5. Syarat Lantikan Tambahan : Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
   - tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
   - berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
   - mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
   - mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
   - lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
   - pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
   - diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

6. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan dengan kelayakan Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

7. Taraf Jawatan : Kontrak

8. Tempoh Lantikan : Tempoh pelantikan hendaklah sekurang-kurangnya satu (1) bulan tetapi tidak melebihi 36 bulan (3 tahpun).

9. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

# 4. Skim Perkhidmatan Khas Universiti Gred 11 (Pengasuh)

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | (a) Jawatan | : | **Skim Perkhidmatan Khas Universiti Gred 11 (Pengasuh)** |
| | (b) Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana |
| | (c) Klasifikasi Perkhidmatan | : | Pentadbiran |
| 2. | Emolumen / Gaji | : | see table below |
| 3. | Had Umur | : | Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan maksimum berumur 54 tahun. |
| 4. | Syarat Lantikan / Bidang / Kelayakan Khusus | : | • Warganegara Malaysia<br>• Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| 5. | Syarat Kelayakan Bahasa Melayu | : | Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| 6. | Taraf Jawatan | : | Kontrak |
| 7. | Tempoh Lantikan | : | Tempoh pelantikan hendaklah sekurang-kurangnya satu (1) bulan tetapi tidak melebihi 36 bulan (3 tahun). |
| 8. | Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |

Emolumen / Gaji:

| Gred | Honorarium |
|---|---|
| 11 | RM1,100.00 |